

**PENGUNAAN KOMPUTER DALAM
PENDIDIKAN SENI VISUAL –
KAJIAN DI TIGA SEKOLAH
DI NEGERI PERAK**

ABDUL MANAF BIN ASMUNI

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2008**

**PENGUNAAN KOMPUTER DALAM
PENDIDIKAN SENI VISUAL –
KAJIAN DI TIGA SEKOLAH
DI NEGERI PERAK**

ABDUL MANAF BIN ASMUNI

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SENI**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2008**

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

22.05.2007

Abdul Manaf bin Asmuni

M20041000021

DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledge

22.05.2007

Abdul Manaf bin Asmuni

M20041000021

Penghargaan

Dengan ucapan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada En. Roskang bin Jailani yang sentiasa memberikan bimbingan dan dorongan semasa menyiapkan desertasi ini. Tidak lupa juga diucapkan terima kasih kepada Prof. Dr. Tjetjep Rohendi Rohidi dan En. Abdul Halim b. Hussin yang sentiasa ada apabila saya sedang kehilangan ilham dan punca apabila menulis dan menganalisa data penyelidikan ini.

Keluargaku tercinta, untuk mengubah cara pemikiran dari seorang awam kepada pemikiran akademik bukanlah satu proses yang mudah. Dengan segala rintangan yang ditempuhi, hari ini lengkaplah sebuah desertasi sebagai bukti cara pemikiran seseorang boleh diubah dengan ilmu yang diperolehi dengan pelbagai cara. Sayang dan kasih diucapkan kepada isteriku Zumeme bt. Muhammad yang sangat memahami kekangan yang sedang dihadapi dalam menyiapkan penulisan ini. Untuk anak-anakku, Muhammad Syamil, Nursyafrina dan Muhammad Syaql, ingatlah apa yang ayah lakukan pada hari ini adalah untuk kebaikan kita semua di kemudian hari kelak dan semoga ia menjadi inspirasi kalian apabila besar nanti. Kepada kedua ibubapaku Asmuni b. Bostan dan Sadariah bt. Hj. Adam, ampun dan maaf anaknda pohonkan jika ada terlebih bicara terkurang adab selama ini.

Amin, ya Rabbil Alamin. Syukur ku panjatkan kepadaMu ya Allah yang membukakan hatiku untuk terus meneroka ilmuMu yang luas ini. Aku sedar, masih luas ilmuMu yang masih belum ku nikmati. Insyaallah, akan kuraih sebanyaknya ilmu dunia dan akhiratMu itu sebelum umurku tiba ke noktahnya.

Abdul Manaf bin Asmuni

Tanjong Malim

KATA PENGANTAR

Alhamdullillah, shukur ke hadrat Illahi yang telah memberi kesempatan dan ketekunan sehingga siapnya desertasi ini. Hasil dari sokongan dan kerjasama dari pelbagai pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, maka saya berjaya menyelesaikan penulisan ini. Dengan kesempatan ini, saya mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak yang terlibat memberi kerjasama dan sokongan kepada saya. Dengan penuh rasa syukur, saya ucapkan terima kasih kepada;

1. Dekan Fakulti Seni dan Muzik, Dr. Hassan. Kepada Dekan sebelumnya Dr. Ahmad Suhaimi b. Mohd Noor dan Prof. Madya Haji Iberahim b. Hassan, yang memberi peluang menimba ilmu di Fakulti Seni dan Muzik.
2. En. Roskang bin Jailani, Penyelia dalam penulisan desertasi ini yang sentiasa memberi bimbingan dan dorongan bagi menyiapkan penulisan desertasi ini.
3. Prof. Dr. Tjetjep Rohendi Rohidi dan En. Halim b. Hussin yang sentiasa membantu dengan berkongsi dan memberi idea-idea yang baru.
4. Kepada semua pensyarah pascasiswazah yang telah memberikan ilmu pengetahuan bagi mencapai tahap sarjana selama pengajian di UPSI.
5. Kepada kakitangan pentadbiran dan juruteknik yang sentiasa membantu apabila di perlukan.
6. Rakan-rakan sepengajian yang sama-sama merasai susah payah dalam mengharungi lautan ilmu ini.
7. Kementerian Pelajaran Malaysia yang memberi peluang melanjutkan pelajaran sepenuh masa.

8. Jabatan Pelajaran Perak yang sentiasa berkerjasama memberi maklumat dan kelulusan membuat penyelidikan di sekolah.

9. Pengetua, guru-guru dan pelajar di sekolah yang menjadi lokasi penyelidikan yang memberi kerjasama dan maklumat yang amat berguna untuk penyelidikan ini.

Kepada mereka yang tidak disebutkan namanya di atas, penulis memohon maaf. semua maklumat yang telah diberikan atau atas penggunaan maklumatnya itu, sama ada yang dicatatkan dalam rujukan ataupun yang secara tidak disedari tidak dicatatkan, penulis memohon ampun dan maaf dan diucapkan jutaan terima kasih. Semoga Allah SWT yang maha pengasih memberkati anda dan memberi ganjaran yang lebih di Akhirat nanti. Amin.

Wassalam

Abdul Manaf bin Asmuni

Tanjong Malim

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

USAGE OF COMPUTER IN VISUAL ART EDUCATION AT THREE SCHOOL IN PERAK

ABSTRACT

Many programmes that involved the usage of computer equipments had been carried out in the schools under Malaysia Ministry of Education since 2000. The construction of computer laboratories, supplement of desktops and laptops had been distributed to all government school. Diverse reaction could be seen in printed media, radio and television concerning this action from government of this action that talked about to the advantages and disadvantages of such act. Visual Art Education had not been left out in receiving computer equipments through Curriculum Development Centre Malaysia Ministry of Education. The supplement of this equipment had been classified only to be used for Visual Art Education only and had to be placed in art room. This research is carried out to see whether computer equipment that had been supplemented is being used as it was predetermined by Curriculum Development Centre. The study is carried out since the acceptance of the computer equipments by the school management, the conduct of the acceptance of the stocks procedures and inventories. This is followed by the planning to make full use of the equipments optimally by the 'panitia' and the teachers. Finally, the impact that was received from teachers as well as the students with the usage of this equipment. The result of this study showed that in three schools where the research was conducted had carried out all the requirements from Curriculum Development Centre. These schools have fully utilized the supplemented equipment for the Visual Art Subject. The usage of this supplemented equipment covered the works in curriculum field to accomplish the content of subject curriculum as well as to fulfill task in co-curriculum area for club and art society. The limited numbers of equipment make teachers and students have to use the computer equipment facilities in computer laboratories to carry out the assigned task. The school also has been using non-option art teachers to train Visual Art teachers that have insufficient skills to handle the supplemented equipments and software. The result also showed that the administration, teachers and students aware of the opportunities that can be gained in future with the students abilities to master the skills in graphic works using the computer equipments. The result of this study is hope to be able to assist the people that are directly involved in supplementing this equipment, the people that train as well as the people that plan the utilization to improve the planning as well as the execution that had been proven successful. It is hope that other researchers continue this research and will study this matter in different aspects and location in future.

PENGUNAAN KOMPUTER DALAM PENDIDIKAN SENI VISUAL

Kajian Di Tiga Buah Sekolah Di Negeri Perak.

ABSTRAK

Pelbagai program yang melibatkan penggunaan peralatan komputer telah dilaksanakan di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia sejak tahun 2000. Pembinaan makmal komputer, penghantaran komputer meja dan komputer riba dibuat untuk semua sekolah kerajaan. Banyak reaksi dapat dilihat di media cetak, radio dan televisyen terhadap tindakan kerajaan yang memperkatakan tentang buruk dan baik program tersebut. Dalam program ini mata pelajaran Pendidikan Seni Visual juga turut menerima bekalan peralatan ini yang dikhaskan penggunaannya dan perlu ditempatkan di dalam bilik seni. Kemudahan ini perlu digunakan semasa pengajaran komunikasi visual untuk pelajar-pelajar di semua tingkatan. Begitu juga dengan aktiviti kokurikulum pendidikan seni visual yang memerlukan penggunaan komputer. Penyelidikan ini dibuat untuk melihat penggunaan peralatan komputer yang dibekalkan ini telah digunakan seperti yang ditetapkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum. Kajian dilaksanakan dengan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif di tiga buah sekolah di negeri Perak. Pemilihan sekolah dibuat berasaskan kepada jumlah pelajar dan gred sekolah yang sama. Lokasi sekolah berada di dalam bandar, bandar kecil dan luar bandar. Sekolah mempunyai makmal komputer yang dibekalkan oleh kerajaan, dan sekolah menerima peralatan khas dari Pusat Perkembangan Kurikulum. Informan pula dipilih di kalangan pentadbir sekolah, ketua panitia, guru mengajar dan pelajar. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa ketiga-tiga buah sekolah yang diselidiki telah melaksanakan apa yang dikehendaki oleh Pusat Perkembangan Kurikulum. Penggunaan peralatan meliputi kerja-kerja dalam bidang kurikulum dan kokurikulum. Bilangan peralatan yang sangat terhad menyebabkan guru dan pelajar turut menggunakan kemudahan peralatan komputer yang terdapat di makmal komputer bagi melaksanakan tugas yang diberi. Pihak sekolah juga telah menggunakan guru bukan opsyen seni yang terdapat di sekolah untuk melatih guru-guru Pendidikan Seni Visual yang kurang kemahiran menggunakan peralatan dan perisian yang dibekalkan. Dapatan juga menunjukkan pihak pentadbiran, guru dan pelajar menyedari peluang-peluang yang boleh didapati pada masa hadapan dengan kebolehan pelajar menguasai kemahiran penghasilan kerja grafik dengan menggunakan peralatan komputer. Hasil penyelidikan diharapkan dapat membantu pihak yang terlibat secara langsung dalam pembekalan peralatan ini, pihak yang memberi latihan dan pihak yang merancang penggunaan bagi menambah baik perancangan dan pelaksanaan yang telah terbukti baik ini. Begitu juga sekiranya ada bakal penyelidik yang ingin meneruskan penyelidikan ini dapat mengkajinya menerusi sudut lain atau lokasi yang lain pula.

ISI KANDUNGAN

Kandungan	Muka Surat
TAJUK	i
PENGAKUAN/DECLARATION	ii
PENGHARGAAN	iv
KATA PENGANTAR	v
ABSTRACT	vii
ABSTRAK	viii
ISI KANDUNGAN	ix
SENARAI RAJAH DAN JADUAL	xii
 BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1. Latar Belakang Kajian	1
1.2. Pernyataan Masalah	7
1.3. Tujuan Kajian	12
1.4. Persoalan Kajian	12
1.5. Kepentingan Kajian	14
1.6. Organisasi Bab	15
 BAB II KAJIAN LITERATUR	
2.0 . Pengenalan	18
2.1. Penggunaan Komputer	19

2.2. Komputer Dalam pendidikan	24
2.3. Komputer Dalam Pendidikan Seni Visual	29
2.4. Kerangka Teori	33

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.0. Pengenalan	45
3.1. Pendekatan Kajian	45
3.2. Fokus Penyelidikan	46
3.3. Kaedah dan Instrumen	48
3.4. Sumber Data	50
3.5. Teknik Pengumpulan Data	50
3.6. Validiti Data	52
3.7. Teknik Menganalisis Data	52
3.8. Batasan kajian	53
3.9. Definisi istilah	54

BAB IV HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.0. Pengenalan	55
4.1. Lokasi Penelitian	58
4.1.1. Sekolah 1 (S1)	58
4.1.2. Sekolah 2 (S2)	63
4.1.3. Sekolah 3 (S3)	72
4.2. Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	79
4.3. Penggunaan Komputer Dalam Pendidikan Seni Visual	81

4.4. Penggunaan khas peralatan komputer bagi mata pelajaran pendidikan seni visual	84
4.5. Pengajaran Pendidikan Seni Visual dengan menggunakan Komputer oleh guru yang telah menerima latihan	86
4.6. Tindakan sekolah dalam melatih guru menggunakan Peralatan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan seni visual	88
4.7. Perancangan sekolah bagi memberi pengalaman kepada pelajar Dengan kemahiran komputer mengikut keperluan masa depan.	90
4.8. Perancangan untuk mengurus sumber kewangan sekolah terutama sebagai sokongan kepada peralatan yang dibekalkan.	91
4.9. Pengurusan Sekolah	93
4.10. Kemahiran Guru	97
4.11. Pelajar	101
4.12. Peralatan dan Prasarana	115
BAB V KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.0. Pengenalan	119
5.1. Kesimpulan	119
5.2. Cadangan	121
BIBLIOGRAFI	124
LAMPIRAN	127

Senarai Jadual dan Rajah

Jadual	Muka Surat
Jadual 1.0: Senarai Sekolah Penerima Peralatan Komputer.	6
Jadual 3.0: Sampel Dan Penggunaan Instrumen	49
Jadual 4.0: Penggunaan Instrumen Kajian	56
Jadual 4.1: Contoh Soalan Soal Selidik Pelajar	56
Jadual 4.2: Contoh Soalan Soal Selidik Guru	57
Jadual 4.3: Contoh Soalan Soal Selidik Pentadbir	57
Jadual 4.4: Kandungan Mesyuarat Pengurusan sekolah.	94
Jadual 4.5: Latihan khas Menggunakan Peralatan dan Perisian.	98
Jadual 4.6: Dapatan Temu bual Pelajar Sekolah 1 (S1)	102
Jadual 4.7: Dapatan Temu Bual Pelajar Sekolah 2 (S2)	105
Jadual 4.8: Dapatan Temu Bual Pelajar SMKSA (S3)	111
 Rajah	 Muka Surat
Rajah 1.1: Permasalahan Kajian	11
Rajah 1.2: Kerangka Penulisan Disertasi	17
Rajah 2.0: Pendekatan Pembelajaran Berbantuan Media	22
Rajah 2.1: Penggunaan ICT dalam Pendidikan Seni Visual.	31
Rajah 2.2: Hireki Keperluan Maslow	38
Rajah 2.3: Kerangka Konsep Mengikut Tajuk Penyelidikan	43
Rajah 2.4: Kerangka Teori	44
Rajah 3.0: Prosedur Pengumpulan Data	49
Rajah 3.1: Model interaktif Miles & Huberman	53
Rajah 4.0: Pelan Lokasi SMK Datuk Haji Abdul Wahab, Sg. Siput (U)	59
Rajah 4.1: Lokasi bandar Sg. Siput, Daerah Kuala Kangsar	60
Rajah 4.2: Pelan Tegak SMK Dato Haji Abdul Wahab	61
Rajah 4.3: Pelan Kedudukan Bangunan dan Bilik Darjah	53
Rajah 4.4: Pelan Lokasi SMK Seri Kampar, Kampar	54
Rajah 4.5: Pelan Bangunan SMK Seri Kampar	65
Rajah 4.6: Pintu masuk utama sekolah	66

Rajah 4.7: Komputer dalam bilik seni	67
Rajah 4.8: Komputer dalam bengkel seni	68
Rajah 4.9: Komputer untuk kegunaan pelajar dalam bilik seni	58
Rajah 4.10: Perisian pembelajaran PSV yang dibina oleh JPN Perak	70
Rajah 4.11: CD Pembelajaran PSV	70
Rajah 4.12: Hasil karya pelajar, “ <i>backdrop</i> ” pentas teater	71
Rajah 4.13: Hasil karya pelajar, logo persatuan seni lukis sekolah	72
Rajah 4.14: Gambar blok hadapan sekolah	73
Rajah 4.15: Bilik seni	74
Rajah 4.16: Kedudukan peralatan dalam bilik seni	75
Rajah 4.17: Pelan Lokasi SMK Sultan Abdullah, Chenderong Balai	76
Rajah 4.18: Pelajar sedang menjalankan aktiviti dalam bilik seni	77
Rajah 4.19: Proses pengajaran pembelajaran sedang berlangsung	77
Rajah 4.20: Karya pelajar, ‘ <i>foto editing</i> ’.	78
Rajah 4.21: Karya pelajar, reka bentuk poster	78
Rajah 4.22 Analisa Teoritik	93
Rajah 4.23: Hasil karya pelajar, Sepanduk Hari Kebangsaan	107
Rajah 4.24: Hasil karya pelajar, Sepanduk ISO Sekolah	107
Rajah 4.25: Hasil karya pelajar, Sepanduk dan papan tanda sekolah	108
Rajah 4.26: Hasil karya pelajar, rekabentuk hiasan pintu masuk	108
Rajah 4.27: Pelajar sedang menggunakan komputer	110
Rajah 4.28: Hasil karya pelajar, kajian muka taip dan warna	112
Rajah 4.29: Lokasi peralatan di dalam bilik seni dengan contoh karya	113
Rajah 4.30: Lokasi komputer di dalam Bilik Seni	114

BAB I

PENDAHULUAN.

1.0 Pengenalan

Penggunaan peralatan ICT bukan lagi menjadi kemegahan individu atau organisasi kerana ianya telah menjadi satu keperluan dalam melaksanakan tugas seharian. Penggunaannya tidak terhad kepada organisasi yang terlibat sepenuhnya dengan bidang komputer, malah menjadi nadi kepada hampir semua organisasi pada masa kini. Keperluan mempelajarinya sudah menjadi satu kemestian dan pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan menjadi kewajipan kepada mereka memberi pengetahuan ini kepada pelajar. Tidak ketinggalan di sekolah-sekolah juga telah diajarkan kemahiran ICT ini menerusi pelbagai program yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

1.1 Latar Belakang Kajian.

Dalam era teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) ini, bidang pendidikan tidak ketinggalan dalam menggunakan kemudahan ini bagi menyediakan anak didik untuk

pasaran keperluan kehidupan pada masa akan datang. Kemahiran menggunakan peralatan dan perisian komputer bukan menjadi satu keinginan lagi dalam bidang ini, malah ianya merupakan kemestian bagi membolehkan pelajar bersaing merebut peluang dalam apa saja bidang pekerjaan. Pendidikan Seni Visual juga tidak ketinggalan dalam menghadapi cabaran baru ini dan sebagai permulaan Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Pusat Perkembangan Kurikulum telah merangka Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dengan memasukkan penggunaan peralatan komputer untuk menghasilkan karya. Perubahan sukatan Pendidikan Seni Visual KBSM telah memasukkan ICT dalam bidang Komunikasi Visual yang menghendaki pelajar menggunakan komputer untuk menghasilkan tugas tertentu. Reka bentuk poster, pembungkusan, tipografi dan sebagainya dapat dibuat dengan menggunakan komputer dan perisiannya.

Kerajaan Malaysia menerusi pelbagai kementerian amat menggalakkan penggunaan kemahiran TMK ini bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan pengurusan. Bagi Kementerian Pendidikan misalnya, dapat dilihat keinginan pencapaian dalam bidang ini melalui ucapan Menteri Pendidikan sebagaimana ucapan pada Majlis Pelancaran Penggunaan Computing Tablet Dalam Pendidikan di SMK Buluh Kasap, Segamat Johor pada 5 Julai 2004.

“Kerana ICT merupakan realiti, merupakan nadi dan merupakan enjin yang menjana perubahan pesat dalam masyarakat kita dan masyarakat dunia yang lain. Cara kita berkomunikasi; cara kita menyusun, menyimpan dan memperolehi maklumat; cara kita bekerja, bermain dan berfikir akan berubah dengan drastik akibat desakan dan kuasa Revolusi ICT”. (*Hishammuddin Tun Hussein, 2004*)

Perkara ini searusnya dilihat secara berkesinambungan dengan apa yang telah dilaporkan oleh Abdul Rahman Arshad (1996), Kementerian Pendidikan di saran

membekalkan sekolah dengan alat bantuan mengajar yang mengikut piawaian yang seimbang dengan keperluan sekolah. Piawaian tersebut hendaklah merangkumi peralatan canggih dan terkini seperti komputer termasuk perisian, kemudahan Internet dan kelengkapan alat pandang dengar yang moden dan terkini.

Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV) sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam akta Pelajaran Malaysia merupakan mata pelajaran yang wajib diajar di semua peringkat persekolahan bermula dari tahun 1 sekolah rendah hingga tingkatan 3 sekolah menengah. Pada peringkat menengah atas pula, pendidikan seni visual menjadi mata pelajaran elektif kepada pelajar. Pada peringkat sekolah rendah dan menengah atas, mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran wajib di ajar dengan peruntukan waktu yang telah ditetapkan seperti dalam akta, tetapi penekanan mata pelajaran ini dalam peperiksaan tidak ada. Ketiadaan mata pelajaran ini dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) menyebabkan pelajar-pelajar mengambil ringan dengan kemahiran-kemahiran yang diterapkan secara berterusan. Tetapi di pihak Kementerian Pelajaran amat mengambil serius dengan mata pelajaran ini hingga tercetus idea bagi menubuhkan sekolah seni yang khas.

“Cadangan pembinaan sekolah seni ini telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk dipertimbangkan sebagai antara program utama Kementerian Pelajaran dalam RMK-9.”

(Utusan Malaysia, 2 September 2005.)

Merujuk kepada kenyataan Menteri dalam keratan akhbar seperti di atas, dapat kita fahami bahawa bidang seni merupakan salah satu keutamaan kepada Kerajaan Malaysia bagi mengimbangi nilai-nilai hidup rakyat negara ini. Bersesuaian dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara yang ingin memperkembangkan lagi potensi

individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmoni dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

“Sistem pendidikan negara kita perlu menyeluruh dan ia bukan semata-mata berkisar kepada akademik sahaja.”

“Kalau mahu mencapai pengisian negara maju, kita mestilah menghasilkan masyarakat yang mengikut acuan, budaya serta bahasanya sendiri dan usaha ke arah itu perlu kita mulakan dalam RMK-9, Dengan ada sekolah ini kelak, kita akan lihat anak-anak muda kita tidak hanya bergantung kepada kerjaya tertentu sahaja.”

“Sebaliknya, mereka boleh membentuk kerjaya mereka dalam bidang seni seperti lukisan, muzik dan sebagainya.”
(*Hishammuddin Tun Hussein, Utusan Malaysia 02 September 2005*).

Pendidikan Seni Visual sebenarnya bukanlah satu mata pelajaran yang statik. Ianya lebih merupakan satu mata pelajaran yang sentiasa berkembang mengikut perubahan zaman. Bermula dari zaman pra-sejarah dengan lukisan dinding gua yang menjadi luahan perasaan manusia zaman itu, bermula pada zaman batu, gangsa dan seterusnya era '*renaissance*' hingga era moden pada hari ini. Kita lihat seni merupakan ekspresi oleh pelukis terhadap persekitarannya atau perasaannya. Apa yang berubah hanyalah media dan teknik. Penggunaan warna batu, kemudian arang, kesan pahatan, penggunaan pelbagai pewarna merupakan media yang sentiasa berkembang. Penggunaan arang, pahat, batu, berus sebagai peralatan juga merupakan suatu yang berubah sebagaimana perubahan pada penggunaan media. Hari ini penggunaan pencetak, pemotong plastik (*sticker cutter*) dan '*plotter*' merupakan kesinambungan perkembangan seni visual. Malah istilah '*colour seperation*' sudah tidak asing lagi kepada penggiat seni pada hari ini. Untuk pelajar-pelajar di sekolah, segala istilah-istilah yang digunakan di atas merupakan sesuatu yang sangat baru kepada mereka kerana selama ini penggunaan istilah berkenaan hanya digunakan pada

peringkat pengajian tinggi sahaja. Pendedahan awal perlu diberi kepada pelajar ini sejajar dengan penggunaan peralatan pada era ICT. Ini amatlah penting kerana pada masa hadapan dunia seni bukanlah apa yang ada di depan mata kepala sahaja, tetapi ia jauh menjangkau kepada apa yang berada di dalam alam lain seperti apa yang dinyatakan oleh Shahrarom TM Sulaiman (2001),

“Pada proses seni lukis yang konvensional, sebuah lukisan diciptakan oleh seorang seniman secara dua dimensi di atas satu permukaan (misalnya kanvas) dengan memadukan bentuk dan warna, untuk menghasilkan satu citraan atau sebuah patung meluas ke dalam tiga dimensi, namun bentuk yang dihasilkan tetap sahaja bersifat statik, dalam pengertian tidak berubah-ubah pada pandangan pengamat.

Seni ‘virtual, atau maya, sebaliknya memungkinkan penjelajahan bentuk dan pengalaman estetika yang jauh berbeza. Tidak seperti format seni yang sebelumnya, seni maya bersifat tiga dimensi semu (nampak seperti asli), interaktif dan dapat melibatkan indera dan perasaan secara menyeluruh. Anda misalnya, dapat melangkah ke dalam lukisan, seakan-akan anda masuk ke dalam sebuah ruang gelas kaca, untuk seterusnya mengembara ke dalam dunia psikis seniman.” (Shahrarom TM Sulaiman, 2001)

Untuk menghasilkan karya seni melalui proses kreatif, memerlukan satu latihan dalam mengkoordinasi antara rangsangan mata, kemahiran berfikir dan kemahiran praktik. Rangsangan (*input*) yang berlaku melalui mata dalam melihat objek yang dipilih sebagai subjek, terlebih dahulu diproses oleh otak sebelum diterjemahkan dalam bentuk tampak atau visual (*output*). Tidak kira hasil visual ini dipaparkan atas permukaan apa, kaedah penghasilannya adalah sama. Input yang diterima dari apa yang dilihat, dipelajari dan kemahiran psikomotor menjadikan proses penterjemahan idea oleh otak yang mengkoordinasi pergerakan tangan dan kemahiran penggunaan peralatan merealisasikan kreativiti tampak.

Melihat kepada keperluan ini, dalam perancangan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) yang memasukkan penggunaan peralatan komputer bagi komponen grafik dalam kurikulum Pendidikan Seni Visual. Pusat Perkembangan Kurikulum juga telah mendapat kelulusan dari kerajaan bagi membekalkan peralatan komputer kepada sekolah-sekolah yang terpilih secara berperingkat di seluruh negara. Serentak dengan itu juga, latihan dalam perkhidmatan diberi kepada guru-guru dari sekolah yang menerima peralatan berkenaan. Peralatan yang diterima oleh sekolah yang terpilih adalah, dua buah komputer berkeupayaan tinggi, sebuah pencetak dan perisian *Adobe Photoshop CS.*(JPN Perak).

Di negeri Perak sahaja, sebanyak 21 buah sekolah menengah telah terpilih pada peringkat awal ini untuk menerima peralatan komputer. Pemilihan sekolah telah ditentukan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum berdasarkan pencalonan yang dibuat oleh Jabatan Pelajaran Negeri (JPN). Pada peringkat pertama sebanyak 11 buah sekolah dipilih dan 10 buah sekolah di peringkat kedua. Pemilihan sekolah dibuat dengan menetapkan sebuah sekolah bagi setiap daerah di negeri Perak. Terdapat 9 daerah kesemuanya di negeri Perak dengan daerah Kinta yang mempunyai populasi sekolah paling besar. Taburan daerah, sekolah dan jumlah penerimaan peralatan adalah seperti berikut.

Jadual 1.0: Senarai Sekolah Penerima Peralatan Komputer.

Bil	Daerah	Nama Sekolah
1	Batang Padang	SMK Sri Tapah, 35000 Tapah
2	Batang Padang	SMK Buyong Adil, 35000 Tapah
3	Hilir Perak	SMK Dato Sagor, 36700 Langkap
4	Hilir Perak *	SMK Sultan Abdullah, 36600 Chenderong Balai
5	Kerian	SMK Sri Kurau, 34300 Bagan Serai
6	Kerian	SMK Raja Lope Nor Rashid, 34250 Tg. Piandang
7	Kinta	SMK Raja Chulan, 31450 Ipoh
8	Kinta *	SMK Seri Kampar, 31900 Kampar

Jadual 1(Sambungan).

9	Kinta	SMK Kg Pasir Puteh, 31650 Ipoh
10	Kinta	SMK Datuk Haji Mohd Taib, Chemor
11	Hulu Perak	SMK Sultan Azlan Shah, 33400 Lenggong
12	Hulu Perak	SMK Dato Seri Wan Mohamed, 33310 Gerik
13	Manjung	SMK Pengkalan Hulu, 33100 Pengkalan Hulu
14	Manjung	SMK Seri Manjung, 32040 Seri Manjung
15	Manjung	SMK Methodist (ACS), 32000 Sitiawan
16	Manjung	SMK Ahmad Boestamam, 32000 Sitiawan
17	Kuala Kangsar	SMK Temenggong, Kati, 33020 Kuala Kangsar
18	Kuala Kangsar *	SMK Datuk Hj Abdul Wahab, 31100 Sg. Siput (U)
19	Larut Matang Selama	SMK Kamunting, 34600 Kamunting
20	Perak Tengah	SMK Layang-Layang Kiri, 32800 Parit
21	Perak Tengah	SMK Muzaffar Shah I, Lambor Kanan, 32900 Parit

1.2 Pernyataan Masalah

Bermula pada tahun 2000, Kementerian Pelajaran Malaysia telah merangka perubahan dalam sukatan pelajaran bagi semua mata pelajaran termasuk Pendidikan Seni Visual. Setelah siap perubahan sukatan ini bermulalah satu siri latihan kepada jurulatih-jurulatih mata pelajaran di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Seterusnya pada tahun 2002, latihan kepada semua guru yang berkhidmat diberi di setiap peringkat. Dengan peruntukan yang sangat besar melalui Bahagian Pendidikan Guru, siri latihan yang dinamakan Kursus Perubahan Sukatan Mata pelajaran Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dijalankan di seluruh negara. Latihan semula kepada guru sedang berkhidmat ini dijalankan oleh Jabatan Pelajaran Negeri terus kepada kumpulan sasaran. Seterusnya latihan perlu dipanjangkan kepada guru-guru mata pelajaran lain menerusi latihan dalaman sekolah. (Unit Kurikulum, JPN Perak).

Bagi guru mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, latihan yang diterima adalah sama seperti yang diarahkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum. Kepada guru pendidikan seni di sekolah yang menerima peralatan pula, satu latihan khas dijalankan bagi memastikan guru-guru yang terlibat mendapat pendedahan yang lebih mendalam dengan penggunaan peralatan yang dibekalkan. Latihan dijalankan selama empat hari dan dijalankan sendiri oleh Pusat Perkembangan Kurikulum kepada guru berkenaan. Kemahiran yang diberi adalah kemahiran penggunaan peralatan dan perisian yang dibekalkan. Malah apa yang lebih menarik, pengalaman yang diberi kepada guru-guru ini adalah kemahiran yang sepatutnya mereka beri kepada pelajar. Dalam erti kata lain, dalam kursus ini guru perlu bertindak seperti pelajar yang diarahkan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dalam kelas di sekolah. Kemahiran seperti ini amat perlu kepada guru sebelum mereka memulakan tugas mengajar ilmu baru kepada pelajar mereka. Menurut Ee Ah Meng (1999),

Untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran, seseorang guru hendaklah memperolehi beberapa kemahiran keguruan seperti kemahiran belajar, berfikir, merancang, menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran, mengajar, mengurus, menilai, membuat kajian, komunikasi, mengendalikan aktiviti luar, menjalin hubungan sesama manusia, menangani masalah dan berusaha ke arah perkembangan sendiri.

Dalam arahan dari Pusat Perkembangan Kurikulum berkenaan perbekalan peralatan berkenaan kepada sekolah terpilih, dengan jelas telah menyatakan peraturan penerimaan peralatan dan tujuan peralatan berkenaan dihantar. Peralatan perlulah didaftarkan stok mengikut peraturan perbekalan peralatan seperti mana yang ditetapkan oleh perbendaharaan. Kegunaan peralatan juga telah ditetapkan untuk kegunaan khas mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan perlu diletakkan di tempat

yang sesuai bagi pembelajaran subjek berkenaan. Pihak sekolah perlu mengarahkan Panitia Pendidikan Seni untuk menentukan lokasi peralatan dengan mematuhi peraturan-peraturan keselamatan peralatan dan kemudahan asas. Tidak ditentukan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum untuk menempatkan peralatan itu di bilik pendidikan seni. Guru bebas menentukan lokasi peralatan supaya ia dapat digunakan oleh pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran berjalan. Perancangan yang teliti amat diperlukan di sini bagi memastikan segala peralatan yang dibekalkan dapat digunakan sepenuhnya.

Bermakna sekarang kemudahan dan teknologi telah dibawa ke dalam bilik darjah untuk diterapkan kepada pelajar-pelajar. Kemahiran penggunaan peralatan dan perisian perlulah di kuasai oleh guru dan pelajar bagi memastikan apa yang dirancang berjalan dengan baik. Menurut kata Robere H. Lauer (1977),

“Degan inovasi teknologi bererti masyarakat berhadapan dengan sejumlah kesan alternatif dan jika ia memilih alternatif baru, maka ia memulai perubahan besar di pelbagai bidang.” *Robert H. Lauer, Perspektif Tentang Perubahan Sosial. Terjemahan Alimandan S.U. Bina Aksara, Jakarta, 1977. m.s. 220.*

Persoalannya sekarang, setelah sekian banyak peruntukan yang digunakan oleh kerajaan bagi memartabatkan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, terutamanya dengan penggunaan peralatan komputer ini, adakah segala yang dirancang memadai dengan apa yang sedang dilaksanakan di sekolah sekarang. Perancangan telah dibina di peringkat kementerian, pelaksanaan latihan telah dijalankan, peralatan telah dibekalkan, soalnya di peringkat sekolah adakah guru mampu mengajar dengan menggunakan peralatan berkenaan dengan efisien, dan yang paling utama kemampuan pelajar-pelajar menggunakan peralatan berkenaan untuk proses pembelajaran mereka.

Daripada laporan yang disiarkan dalam akhbar Tutor oleh Utusan Malaysia yang disiarkan pada 25 Mei 2005 menyatakan kebanyakan sekolah sudah memiliki makmal komputer, komputer notebook dan kemudahan internet, tetapi ada laporan-laporan tidak rasmi kepada Kementerian Pelajaran mengatakan terdapatnya peralatan yang dibekalkan tidak diguna pakai sepenuhnya oleh guru dalam pelaksanaan pembelajaran di sekolah. Dalam ucapan Menteri Pelajaran Malaysia semasa Perasmian Persidangan ICT and Malaysian School pada 11 Januari 2005 menyatakan kegagalan menggunakan ICT di sekolah sangat merugikan kerana ianya bermaksud peralatan yang dibekalkan tidak digunakan sepenuhnya, peruntukan yang habis tanpa pulangan yang bermakna dan paling besar ialah kehilangan peluang yang ditanggung oleh anak-anak kita.

Bagi mengetahui adakah bekalan komputer khas untuk mata pelajaran Pendidikan Seni ini digunakan sepenuhnya disekolah atau tidak, saya telah menjadikannya satu persoalan dalam penyediaan dessertasi saya ini. Beberapa pertanyaan telah ditimbulkan bagi menjawab keseluruhan persoalan yang hendak dijelaskan.

Daripada pelbagai pertanyaan yang ingin diketahui dari persoalan yang ditimbulkan hasil dari pelaksanaan penggunaan peralatan komputer untuk mengajar komunikasi visual dalam Pendidikan Seni Visual dapat di ringkaskan menjadi satu rajah yang memperlihatkan secara teori bagaimana wujudnya masalah tersebut serta kaedah bagi pengkajian sehingga muncul hasil penyelidikan yang akan dibuat. Dalam Rajah 1.1 dapat dilihat bagaimana persoalan utama kajian di huraikan supaya dapat dikenal pasti teori yang berkaitan yang boleh digunakan bagi memahami persoalannya. Seterusnya dikenal pasti kaedah yang akan dibuat bagi mengkaji